

25 JUL 2001

SESI KHAS KABINET BINCANG ISU REMAJA 8 OGOS

PUTRAJAYA, 25 Julai (Bernama) -- Kabinet akan mengadakan satu sesi khas 8 Ogos khusus untuk membincangkan isu remaja terlibat dalam jenayah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerajaan kini menghadapi masalah untuk menangani isu remaja yang mudah terpesong daripada pelajaran dan sebaliknya terlibat dalam aktiviti yang merugikan.

Beliau berkata demikian ketika ditanya oleh pemberita sama ada mesyuarat kabinet hari ini membincangkan usaha untuk membanteras penglibatan pelajar sekolah dalam kumpulan liar seperti Black Metal.

Dr Mahathir yang ditemui selepas menghadiri satu taklimat oleh Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), berkata kerajaan turut menerima pendapat daripada badan-badan bukan kerajaan tentang cara-cara mengatasi masalah berkenaan.

"Kita akan mengkaji semua pandangan ini," katanya.

-- BERNAMA

NZ DC MAI